

BULETIN AL MANSOORAH

TABIAT MENULIS


Apabila seseorang itu menulis, maka ia perlu 'mengeluarkan' kata-kata keluar dari otak. Proses ini dipanggil upaya mental, dan ia merangsang kepada peningkatan prestasi fungsi kognitif. Kesannya ialah ia akan membangunkan kreativiti setiap kali ia menulis. Lebih banyak seseorang itu menulis, maka lebih meningkat imajinasinya dan lebih cerdas mindanya. Pada masa yang sama juga, menulis dapat membantu diri menyusun idea dan mengukuhkan kemahiran berkomunikasi. Menulis mendorong diri untuk melakukan penyelidikan dan kesannya ialah seseorang itu akan lebih banyak membaca dan dapat menambahkan pengetahuan.

OTOT DAN OTAK TAK MEROSOT

Otot akan merosot jika ia tidak digunakan. Jika seseorang itu mengekalkan tabiat berbaring dan tidak berbuat apa-apa maka badannya akan menjadi lemah dan hilang upaya.

Begitu juga dengan otak. Jika seseorang itu tidak menggunakannya untuk berfikir, tidak menyelesaikan masalah, tidak membaca dan tidak menulis lama-kelamaan fungsi otak akan menurun dan akhirnya berisiko untuk nyanyuk.

Dengan demikian, setiap individu perlu mengamalkan gaya hidup aktif dan cergas agar setiap otot dan otak kekal berfungsi dan dapat menjalankan tanggungjawab dengan sempurna. Menulis dan membaca adalah sangat penting untuk aktiviti kognitif kerana ia melatih otak untuk terus berfungsi, mengekalkan daya ingatan dan menyeimbangkan serta menyeleraskan tugas mental dan fizikal.





JASA PAK MATLOB DALAM BIDANG PENULISAN

Disusun oleh Dr Khairul Nizam bin Zainal Badri, PhD, FSASS, FMIOASD

Pak Matlob atau nama sebenarnya adalah Muhammad @ Mokhtar bin Talib dilahirkan di 117 Kampung Laut Semerah, 83600 Batu Pahat, Johor Darul Takzim pada tarikh 5 Julai 1937. Beliau merupakan seorang pejuang tulisan Jawi yang sangat gigih dan konsisten selain menjadi penulis pelbagai genre kanak-kanak dan remaja. Ia berasal dari keluarga nelayan. Bapanya bernama Talib bin Tandang dan ibunya bernama Mariam binti Hj. Ahmad. Kata "Matlob" dalam bahasa Arab bermaksud "yang dikehendaki" iaitu gelaran yang telah diberikan oleh guru agamanya. Didikan awal yang diterimanya di peringkat sekolah telah menyuburkan minatnya dalam bidang penulisan. Beliau sempat menerima rangsangan daripada Master of Method, Aminuddin Baki, agar menyelidik dan menghasilkan karya untuk kanak-kanak Melayu yang kebetulan pada waktu itu masih terlalu kurang.

Pak Matlob memulakan karya penulisannya untuk kanak-kanak sejak tahun 1953 lagi sebelum diteruskan dengan penulisan rencana tentang pendidikan, kesusasteraan, kebudayaan dan sosial. Beliau menghasilkan sebanyak 11 novel untuk remaja dan 107 novel untuk kanak-kanak. Pak Matlob yang menutup usia pada tahun 2013 semasa hayatnya turut mengeluarkan 30 jenis bahan bacaan dan penyelidikan berhubung dengan tulisan jawi moden dalam tempoh tiga tahun selain mengarang beratus-ratus artikel yang tersiar dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan seperti Mingguan Malaysia, Berita Minggu dan Utusan Zaman. Beliau pernah mengelolakan ruangan Pandai Jawi dan Belajar Jawi di Utusan Malaysia. Beliau juga pernah dilantik menjadi kolumnis ruangan Warisan Bangsa di majalah Pelita Bahasa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur.

Beliau menjadi salah seorang perunding Jawi apabila DBP melaksanakan ejaan Jawi baharu. Bagi Pak Matlob, tulisan Jawi adalah teras dan roh orang Melayu/Islam. Tulisan itu mendekatkan orang Melayu pada tulisan Arab di dalam Al-Quran. Baginya, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Melayu/Islam menguasai tulisan yang satu masa dahulu menjadi tulisan rasmi sastera, diplomasi dan dagang di rantau ini. Setelah itu beliau juga tidak pernah berhenti berjuang agar tulisan Jawi tetap hidup sepanjang hayat dan ianya dibuktikan dengan kerja kerasnya meminta Kementerian Pelajaran mengambil langkah lebih proaktif untuk memperkasakan tulisan berkenaan di kalangan pendidik dan pelajar.